

AKTIVITI PEMULIHAN LITERASI BAHASA MELAYU DI 10 BUAH SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN DI 5 DAERAH DI PULAU PINANG DAN SEBUAH SEKOLAH MENENGAH DI KEDAH: SATU KAJIAN KES

Nur Faraliana Mohd Yusoff
Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia,
E-mel: faraliana@usm.my

Wan Azni Wan Mohamad
Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia,
E-mel: azni@usm.my

ABSTRAK

Kemahiran membaca dan menulis ialah kemahiran asas bahasa Melayu untuk murid-murid sekolah. Hal ini amat penting untuk mereka mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Isu penguasaan kemahiran asas ini masih wujud dalam kalangan murid-murid sama ada di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan mengenal pasti permasalahan yang mempengaruhi keciciran pelajar dalam penguasaan literasi bahasa Melayu dan implikasi terhadap individu, masyarakat dan negara sebagai akibat keciciran dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kajian ini telah dijalankan di 10 buah sekolah rendah kebangsaan di 5 daerah di Pulau Pinang dan sebuah sekolah menengah di Kedah. Responden kajian terdiri daripada 250 orang pelajar dan beberapa orang guru serta fasilitator Universiti Sains Malaysia. Kajian ini dijalankan secara kajian kes. Pengumpulan data dibuat melalui temu bual, pemerhatian dan penganalisan dokumen. Pengkaji mendapati bahawa usaha dan komitmen yang berterusan daripada semua pihak termasuk ibu bapa dapat membantu murid-murid dalam menguasai kemahiran asas membaca dan menulis bahasa Melayu dengan baik. Kajian ini diharapkan dapat menjadi pendorong kepada kajian selanjutnya bagi menangani isu keciciran murid-murid dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji berpendapat bahawa program pemulihan pada peringkat awal akan memberikan kesan yang lebih efektif kepada murid-murid.

Kata Kunci : kemahiran membaca dan menulis, bahasa Melayu, isu keciciran.

1. Pengenalan

Kemahiran literasi merupakan kemahiran mengenal huruf, membaca dan menulis. Kemahiran ini sepatutnya perlu dikuasai oleh murid sebelum memasuki Tahap 1. Murid yang gagal menguasai kemahiran membaca akan menjadi batu penghalang untuk mengorak langkah maju ke hadapan dalam pelbagai disiplin ilmu di sekolah. Kenyataan ini turut disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM (2013) apabila masih ramai murid pada peringkat sekolah rendah masih belum berupaya menguasai literasi bahasa Melayu. Kemahiran membaca dan menulis juga merupakan asas dalam kehidupan moden masa ini. Hal ini dikatakan demikian kerana keupayaan membaca dan menulis antara alat perhubungan sesama manusia. Kirk dan Gallagner (1989) menyatakan bahawa murid-murid Pemulihan Khas ialah individu yang mempunyai masalah dalam kemahiran membaca dan menulis. Kelemahan ini dapat dilihat apabila pencapaian murid-murid ini berada pada paras yang rendah. Program Pemulihan Khas adalah untuk murid-murid Tahap 1. Murid-murid yang berada pada Tahap 2 sepatutnya tidak akan dimasukkan ke kelas Pemulihan Khas lagi. Sekiranya murid-murid Tahap 2 masih tidak dapat menguasai kemahiran mengenal huruf, membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dengan baik maka mereka akan ketinggalan dalam kurikulum dan akan terus tercicir dalam pelajaran. Murid-murid ini akan memasuki sekolah menengah tanpa masalah akademik mereka pada peringkat sekolah rendah diselesaikan terlebih dahulu. Murid-murid Pemulihan Khas juga memperlihatkan ciri-ciri kurang yakin, rendah diri, pasif terhadap pembelajaran dan mudah berputus asa.

2. Metodologi kajian

Reka bentuk kajian ini berbentuk kajian kes. Pendekatan gabungan kuantitatif dan kualitatif digunakan. Menurut Burn (1995), Merriam (1998) dan Yin (1995), penggunaan reka bentuk penyelidikan kajian kes amat sesuai apabila sesuatu kajian itu melibatkan pemerhatian terhadap seseorang atau unit, satu kumpulan manusia, satu kelas, sekolah masyarakat, peristiwa atau budaya. Merriam (1998) menyatakan bahawa kajian kes digunakan untuk meningkatkan kefahaman yang mendalam tentang subjek yang dikaji, berfokus pada aspek proses berbanding output yang mementingkan penemuan dan bukannya pengesahan sesuatu teori atau dapatan. Kajian ini melibatkan pengajaran dalam bentuk aktiviti seperti interaksi dengan guru, latihan dan permainan berunsurkan pendidikan yang akan bertukar secara bergilir-gilir mengikut masa dan kumpulan. Kad skor ujian diagnostik digunakan pada awal sesi kajian dijalankan. Setiap responden akan melalui tiga peringkat praujian kemudian dikelompokkan pada tiga tahap yang berbeza mengikut pencapaian pada peringkat praujian dan seterusnya diakhiri dengan aktiviti permainan didik hibur. Prosedur kajian dijelaskan dalam Rajah 1 seperti yang berikut:

Rajah 1: Prosedur Kajian

Peringkat Praujian		
Sekolah Rendah		
Stesen A	Stesen B	Stesen C
Pengetahuan mengenal dan memadankan abjad (huruf besar dan huruf kecil)	Prapenulisan Aktiviti memegang pensil dan menulis (menulis mengikut garis dan mengisi tempat kosong dengan abjad berhuruf besar dan kecil)	Pengetahuan membaca suku kata (baca kad suku kata dan lembaran teks)
Sekolah Menengah		
Stesen A	Stesen B	Stesen C
Membaca teks kefahaman	Memahami teks yang dibaca dan membuat rumusan tentang teks yang dibaca	Menjawab soalan berdasarkan teks dan satu soalan KBAT
Peringkat Kedua		
Sekolah Rendah		
Tahap Sederhana/Baik (P1)	Tahap Lemah (P2)	Tahap Sangat lemah (P3)
Murid-murid pada tahap ini melepasi pra ujian pada setiap stesen dengan baik.	Murid-murid pada tahap ini tidak mampu melepasi pra ujian pada setiap stesen dengan baik.	Murid-murid pada tahap ini langsung tidak mampu melepasi pra ujian pada setiap stesen.
Sekolah Menengah		
Tahap Baik	Tahap Sederhana	Tahap Lemah/ Sangat Lemah
Murid-murid pada tahap ini dapat memahami soalan dengan baik dan dapat bertutur dengan yakin untuk menyampaikan idea.	Murid-murid pada tahap ini dapat memahami soalan apabila diberikan bantuan dan tidak begitu yakin untuk menyampaikan idea (masih memerlukan bantuan dari segi	Murid-murid pada tahap ini tidak dapat memahami soalan secara keseluruhan. Bantuan yang sepenuhnya diperlukan untuk memahami, mengolah idea dan membina ayat.

	sebutan, olahan ayat dan sebagainya).	
--	---------------------------------------	--

Peringkat Ketiga
Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah
Murid-murid akan menjalani aktiviti didik hibur.

3.1 Pemilihan sampel kajian

Persampelan kajian terdiri daripada 200 orang murid-murid kelas pemulihan di sekolah rendah dan 50 orang murid di sekolah menengah. Lokasi yang dipilih untuk menjalankan kajian ini ialah 10 buah sekolah rendah di daerah Pulau Pinang dan sebuah sekolah menengah di Kedah. Tempat ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana pengkaji menjalankan program khidmat komuniti untuk membantu murid-murid yang tercicir dalam penguasaan kemahiran membaca dan kemahiran menulis bahasa Melayu.

3. Perbincangan

Dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa Pemulihan Khas merupakan satu pendekatan yang berbeza daripada kelas biasa. Pemulihan Khas memfokuskan objektif untuk memulihkan sesuatu kekurangan atau kecacatan. Masalah murid-murid lambat amat merisaukan bukan sahaja ibu bapa tetapi juga masyarakat dan kerajaan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa masalah pembelajaran murid-murid Pemulihan Khas kebiasaannya dipengaruhi oleh faktor psikologi, biologi dan persekitaran. Tahap kecerdasan dan psikologi yang rendah dalam kalangan murid adalah sebagai akibat pelbagai faktor genetik, kecacatan fizikal murid, persekitaran dan sebagainya yang berkecenderungan menimbulkan permasalahan untuk mempelajari dan mengingat sesuatu yang diajar oleh guru. Selain itu, tahap kesihatan serta gangguan emosi sering menjadi punca masalah pembelajaran. Murid yang mewarisi tahap kecerdasan yang rendah sering memperlihatkan gangguan emosi seperti bimbang, takut, marah dan berbagai-bagai perasaan lagi yang pastinya menjejaskan tumpuan dan perhatian terhadap pembelajaran (Zulkifley 2006).

3.1. Peringkat Praujian Sekolah Rendah


Setiap murid perlu melalui tiga stesen yang telah ditetapkan pada peringkat ini dan hasil yang diperoleh pada peringkat ini akan ditandai pada kad skor ujian diagnostik. Pada Stesen A murid-murid perlu membaca kad abjad berhuruf besar dan memadankan kad berhuruf kecil dengan kad berhuruf besar secara rawak. Fokus utama penggunaan kad ini adalah untuk memperkukuh ingatan murid-murid terhadap kemahiran mengingat huruf. Pada kebiasaannya, murid-murid hanya menyanyikan lagu ABC tanpa melihat huruf-huruf yang diwakili oleh kad. Situasi ini akan menyebabkan murid-murid tidak dapat memadankan huruf kecil dan huruf besar dengan betul. Set pasangan abjad yang biasanya mengelirukan murid-murid Pemulihan Khas ialah B b, D d, C c, G g, E e, F f, P p, I i, dan J j. Murid-murid menghadapi masalah mengenal pasti dan mengambil masa yang lama untuk melakukan pengecaman kerana abjad-abjad ini seakan-akan sama bentuknya. Semua murid yang telah selesai pada Stesen A akan bergerak ke Stesen B. Murid-murid akan menjalani aktiviti latihan prapenulisan untuk menilai kemahiran memegang pensel dan mengisi tempat kosong dengan abjad berhuruf besar dan berhuruf kecil. Penyelidik berpendapat bahawa kemahiran membaca dan kemahiran menulis membentuk keseimbangan dalam pembelajaran literasi bahasa murid-murid. Kebanyakan murid-murid Pemulihan Khas mengalami masalah dalam kemahiran menulis kerana murid-murid tidak menguasai kemahiran motor kasar dan motor halus yang baik. Kemahiran motor kasar dan motor halus ini perlu dikuasai dengan baik untuk membantu murid-murid menghasilkan tulisan yang kemas. Pengkaji mendapati bahawa masih terdapat ramai murid yang

lemah dalam kemahiran menggenggam pensel, membentuk dan menulis huruf besar dan huruf kecil. Sebilangan kecil murid-murid juga menghadapi masalah menulis huruf secara terbalik. Murid-murid akan melangkah ke Stesen C sebagai stesen terakhir pada peringkat praujian. Pada Stesen C, murid-murid akan diuji dengan pengetahuan membaca suku kata pada lembaran suku kata dan lembaran teks mudah yang disediakan. Murid-murid ini perlu mengeja dan membaca suku kata KV dan perkataan KVKV. Pengkaji mendapati bahawa secara puratanya murid-murid belum menguasai kemahiran membaca dengan baik, iaitu pengecaman huruf vokal dan konsonan. Murid-murid juga tidak dapat membunyikan perkataan dengan betul dan tepat, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja serta sering meninggalkan perkataan atau suku kata. Terdapat juga sebilangan murid ini yang mempunyai masalah dalam menjarakkan perkataan. Hasil pemerhatian pengkaji mendapati bahawa masalah ini berpunca pada keupayaan berfikir yang rendah dan murid-murid tidak dapat memberikan tumpuan yang lama dalam aktiviti ini. Hasil praujian dijelaskan dalam Jadual 1 seperti yang berikut:

Jadual 1: Hasil Praujian


Stesen	Tahap Penguasaan		
	Tidak Menguasai	Sederhana	Menguasai
A	26	40	134
B	24	27	149
C	38	37	125

Rajah 1: Peratusan Praujian di Stesen A




Dalam Rajah 1 seramai 134 murid-murid atau 67% dapat menguasai kemahiran mengenal dan memadamkan abjad berhuruf besar dan berhuruf kecil dengan baik. Seramai 40 murid-murid atau 20% berada dalam kategori sederhana, iaitu ada dalam kalangan murid-murid ini yang hanya mengenal abjad berhuruf besar atau berhuruf kecil sahaja atau hanya mengenal sebahagian abjad sahaja dan tidak dapat memadamkan semua abjad yang diuji dengan betul. Seramai 26 murid-murid atau 13% tidak dapat membaca semua abjad dengan betul dan tidak dapat memadamkan abjad yang diuji dengan betul.

Rajah 2: Peratusan Praujian di Stesen B



Dalam Rajah 2 seramai 149 murid-murid atau 75% mampu memegang pensel dengan baik dan dapat melengkapkan semua atau sebahagian abjad kosong berhuruf besar dan berhuruf kecil pada lembaran yang disediakan. Seramai 27 murid-murid atau 13% berada pada kadar sederhana dan 24 murid-murid atau 12% dapat memegang pensel tetapi tidak dapat menulis dengan baik.

Rajah 3: Peratusan Praujian di Stesen C



Dalam Rajah 3 seramai 125 murid-murid atau 63% dapat membaca dua suku kata KV dan perkataan KVKV dengan betul dan lancar. Seramai 37 murid-murid atau 18% berada pada kadar sederhana. Murid-murid ini hanya mampu membaca sesetengah suku kata KV dan perkataan KVKV dengan baik dan lancar. Seramai 38 murid-murid atau 19% tidak mampu membaca semua suku kata KV dan perkataan KVKV. Murid-murid ini hanya mengenal sebahagian abjad tetapi tidak mampu mengenal suku kata atau membaca perkataan.


3.2. Peringkat Praujian Sekolah Menengah

Pada Stesen A, murid-murid akan membaca teks kefahaman yang dibekalkan dan murid-murid akan dinilai berdasarkan sebutan yang betul mengikut sebutan baku sesuatu bahasa, penggunaan tanda baca dan intonasi mengikut teks yang dibaca. Pada Stesen B, murid-murid akan dinilai berdasarkan pemahaman yang baik tentang teks yang dibaca. Pada Stesen C, murid-murid akan dinilai berdasarkan kemahiran menulis juga. Murid-murid tidak dapat menulis dengan baik dan mempunyai penguasaan kosa kata yang amat terhad dalam penulisan. Ayat yang dibina pula tidak begitu banyak menggunakan imbuhan. Murid-murid juga sukar untuk menjawab soalan KBAT yang memerlukan kemahiran berfikir dengan kreatif dan kritis. Hasil pemerhatian pengkaji ditunjukkan dalam Jadual 2 seperti yang berikut:

Jadual 2: Hasil Pemerhatian Pada Peringkat Praujian


Kemahiran	Kriteria Berdasarkan Kemahiran	Tahap Penguasaan Murid-murid			
		Lemah	Memuaskan	Baik	Cemerlang
Membaca	<ul style="list-style-type: none"> Membaca dengan nada dan intonasi yang betul Memahami kata/frasa/ayat dalam petikan 	4	26	20	0
Menulis	<ul style="list-style-type: none"> Menulis dengan betul dan kemas Mencatat maklumat dengan tepat Penguasaan bahasa dan kecekapan berbahasa 	4	18	28	0

Rajah 4: Peratusan Praujian – Kemahiran Membaca



Dalam Rajah 4, seramai 4 orang atau 8% murid-murid yang tidak dapat membaca keseluruhan atau sebahagian teks. Seramai 26 murid atau 52% yang mampu membaca pada kadar sederhana. Seramai 20 murid atau 40% dapat membaca dengan lancar dan baik. Penguasaan kemahiran membaca ini dijalankan untuk menguji kebolehan seseorang murid untuk membunyikan sesuatu perkataan, intonasi bacaan, unsur jeda dalam pembacaan dan kelancaran sebutan bahasa yang betul.

Rajah 5: Peratusan Praujian – Kemahiran Menulis




Dalam Rajah 5, seramai 4 murid atau 8% yang tidak dapat menulis dengan baik. Seramai 18 murid atau 36% berada pada kadar sederhana. Seramai 28 atau 56% murid yang dapat menulis dengan baik. Pengkaji juga mendapati bahawa kemahiran menulis murid-murid ini perlu ditingkatkan kerana kemahiran ini membantu meningkatkan potensi kemahiran berbahasa murid seperti menzahirkan cetusan idea, pendapat dan perasaan murid-murid.

3.3. Peringkat Kedua Sekolah Rendah

Pada peringkat ini, murid-murid akan dikelompokkan pada tahap yang ditentukan berdasarkan pencapaian dalam praujian. Jumlah murid-murid yang berada pada tahap P1, P2 dan P3 ditunjukkan dalam Rajah 6 seperti yang berikut:

Rajah 6: Hasil Mengikut Tahap Pencapaian Pelajar Sekolah Rendah




Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu berada pada tahap yang membimbangkan. Seramai 83 murid-murid berada pada tahap lemah, 63 berada pada tahap sederhana dan 54 berada pada tahap baik. Murid-murid yang berada pada tahap lemah dilihat lambat menguasai sesuatu kemahiran, kurang interaksi, kurang tumpuan dan tidak berminat untuk belajar. Isu-isu ini menyebabkan murid-murid berasa sukar dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu. Walaupun terdapat murid-murid yang boleh membaca tetapi bukan semua memahami makna perkataan atau ayat tersebut. Tahap penguasaan kemahiran menulis murid-murid juga berada pada kadar sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana masih terdapat sebahagian murid yang menulis perkataan dengan mencampurkan huruf besar dan huruf kecil dan sukar untuk membentuk ayat mudah. Murid-murid ini masih memerlukan bantuan untuk menguasai kemahiran menulis dengan baik dan berkesan.

3.4. Peringkat Kedua Sekolah Menengah

Pada peringkat ini, murid-murid akan dikelompokkan pada tahap baik, sederhana dan lemah atau sangat lemah. Data ditunjukkan dalam Rajah 7 seperti yang berikut:

Rajah 7: Hasil Mengikut Tahap Pencapaian Pelajar Sekolah Menengah



Dapatan kajian pada Rajah 7 menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran berbahasa dan kemahiran interpersonal murid-murid sekolah menengah berada pada kadar sederhana. Hasil temu bual secara tidak langsung mendapati bahawa murid-murid ini daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana serta ada yang datang daripada keluarga yang bercerai-berai. Proses pembelajaran murid hanya berlaku apabila murid-murid datang ke sekolah. Apabila murid-murid pulang ke rumah, murid-murid tidak ada motivasi untuk mengulang kaji pelajaran oleh sebab ibu bapa tidak memainkan peranan untuk membantu pembelajaran murid-murid di rumah. Tahap penguasaan kemahiran yang rendah dan rendah ini menyebabkan pencapaian akademik yang rendah dan tidak memuaskan. Tahap kehadiran murid-murid ini ke sekolah juga rendah. Berkemungkinan juga kekangan dan desakan kehidupan menyebabkan murid-murid ini hilang daya tumpuan, malas dan tiada motivasi untuk datang ke sekolah dan meneruskan pembelajaran. Murid-murid ini agak berlain kerana mereka menjadi pasif apabila diajukan soalan atau menjawab soalan. Murid-murid ini juga menghadapi masalah dalam menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru seterusnya tidak menunjukkan minat untuk belajar.

3.5. Peringkat Ketiga Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah

Pada peringkat ketiga murid-murid didedahkan dengan kaedah didik hibur. Didik hibur bermaksud mendidik sambil menghibur, bersifat santai dan menyeronokkan. Kaedah ini berlaku dalam keadaan terkawal selain memberikan peluang kepada murid-murid untuk belajar dalam keadaan yang menghiburkan (Buku Penerangan KSSR 2017). Kaedah ini dirasakan sesuai oleh pengkaji kerana kaedah ini satu kaedah yang menggembirakan dan dapat menarik minat murid-murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Murid-murid sekolah rendah yang berada pada tahap sederhana dan baik dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis (2M) tetapi kemahiran 2M murid-murid ini lebih banyak pada aktiviti bermain dan menyanyi. Murid-murid sekolah menengah juga memerlukan aktiviti didik hibur dalam pembelajaran. Pengkaji mendapati bahawa didik hibur bukan hanya melibatkan nyanyian dan permainan tetapi penggunaan teknologi (ICT) dan bahan bantu mengajar (BBM) yang menarik juga akan menarik minat murid-murid untuk memberikan tumpuan yang sepenuhnya terhadap bahasa Melayu.

4. Kesimpulan

Pelaksanaan Program Pemulihan Khas adalah untuk mengecilkan jurang perbezaan pencapaian kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan murid sekolah rendah dan sekolah menengah. Namun begitu, walaupun program ini telah lama dilaksanakan tetapi setiap tahun masih ramai lagi murid-murid yang tidak dapat membaca dan menulis dengan baik. Para guru perlu memanfaatkan teknologi dan media dalam pengajaran dan pembelajaran untuk menimbulkan minat dan menggalakkan interaksi dua hala antara guru dengan murid. Menurut Muhamad Hasan (2000), penggunaan media untuk memudahkan guru dan murid berinteraksi atau perhubungan dua hala yang dapat menarik minat murid-murid untuk bertindak balas.

Kelemahan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis menjejaskan potensi serta motivasi dalam menguasai pelbagai kemahiran lain dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hasil pemerhatian pengkaji dalam kes ini menunjukkan bahawa faktor kebolehan dan kreativiti guru dapat mengubah persepsi serta kesedaran bahawa murid-murid yang lemah ini juga mempunyai potensi untuk berjaya dalam pembelajaran. Kerjasama yang melibatkan pihak pengurusan sekolah dengan institusi luar diharapkan dapat membina iklim persekolahan yang kondusif, dan persekitaran sekolah yang dapat merangsangkan murid bermotivasi untuk terus belajar.

5. Rujukan

- Abdul, R.J. & Zulkafli, A.Z. (2008). *Keupayaan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah Kebangsaan Luar Bandar*. Kertas kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2-4 Jun 2008.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). *Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah di Luar Bandar*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1) 1-11.
- Burn, R.B. (1995). *Introduction to Research Methods*. Melbourne: Longman.
- Charlie Anak Ungang. (2008). *Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan: Kajian Kes di Lima Buah Sekolah Daerah Serian*. *Jurnal Pendidikan*. IPBL, Jld 8, pp 84-97.
- Chew Fong Peng. (2015). *Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) di Sekolah Rendah*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2): 1-11.
- Kirk dm Gallagner. (1989). *Learning and Teaching*. Massachusset: Allyn and Bacon.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. 2nd ed. Sun Fransico: Jossey-Bass.
- Muhamad Hassan Abdul Rahman. (2000). *Media Pengajaran: Penghasilan Bahan Pengajaran Berkesan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad, S.H.H. (2010). *Penguasaan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Tahun Satu*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
- Yin, R.K. (1995). *Case Study Research: Designs and Methods*. 2nd ed. Thousand Oak, Calif: Sage
- Zulkifley Hamid. (2006). *Aplikasi Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.